

**BAHAN KECEMERLANGAN
PT 3**

BK 9

BAHASA MELAYU

**NAMA :.....
TINGKATAN :.....**

PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA

BK 9

BAHASA MELAYU

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
 2. *Bahagian A terdiri daripada tiga soalan. Jawab semua soalan dalam bahagian ini.*
 3. *Bahagian B terdiri daripada dua soalan. Anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
 4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 75 minit untuk menjawab Bahagian A dan 45 minit untuk menjawab Bahagian B*
 5. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
-

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan Bahagian D.

Bahagian A

- 1** Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan tatabahasa. gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i) Kakak menghadiahkan ibu sepasang baju kebaya bersempena dengan hari lahirnya.

ii) Pelajar yang dahagakan ilmu hendaklah sentiasa mengunjungi perpustakaan.

iii) Nian indah permandangan di Pulau Redang pada waktu pagi.

iv) Istiadat sambutan ketibaan Yang di-Pertuan Agong ke Terengganu diadakan dengan penuh gilang-gemilang.

(8 markah)

- 2** Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

i) Pusat beli-belah telah mula mengadakan promosi jualan mega sempena sambutan hariraya yang akan menjelang tiba.

ii) Adik terlupa untuk memakai stokin kerana terkocoh-kocoh bimbang akan ketinggalan bas.

iii) Encik Ibrahim telah memberikan penerangan yang jelas tentang profesyen jurutera.

(3 markah)

3 Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi satu ayat majmuk.

- i) Kereta itu terbabas.
Kereta itu terlanggar tiang elektrik.

- ii) Bolehkah anda datang esok?
Bolehkah anda menyiapkan kerja itu?

- iii) Desas-desus peletakan ahli parlimen itu adalah tidak benar.
Ahli parlimen itu dikatakan muflis.


- iv) Perlawanan bola sepak itu akan diteruskan.
Pihak polis berjaya mengawal keadaan penonton

- v) Ramli minat bermiaga
Anaknya tidak minat sama sekali.
Anaknya lebih berminat makan gaji


(10 markah)

- 4** Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian tulis satu peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut.

i)



ii)



(4 markah)

BAHAGIAN B
(30 markah)

- 5 Baca petikan prosa moden di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka fahamlah kami akan gunanya air pucuk bemban kalau diserang sakit mata, atau cara untuk meramu sarang angkut-angkut jika diketit lebah atau tebuan. Cari sarangnya, campur dengan air, dan sapu di tempat yang terkena sengat, insya-Allah sakitnya hilang dan bengkaknya menyurut. Kata Haji Salleh Pumpong lagi, kalau rambut bayimu jarang, ambillah daun bunga raya, ramas dalam air lalu sapu di kepalanya, seminggu dua kemudian, lebatlah dan hitamlah rambutnya.

Bidan Mak Besah pakar melenggang perut, ilmunya boleh mengalah bayi songsang, dan dia paling arif perihal adat dan tertib menyambut bayi. Carikan daun sekentut, campur dengan daun leletup, rebus sampai kering separuh airnya dan beri minum isterimu, insya-Allah akan kecut perutnya.

(Dipetik daripada cerpen *Segala Yang tercinta Ada Di Sana, Antologi Harga Sebuah Lukisan*, Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Bagaimakah cara untuk merawat mangsa yang disengat lebah atau tebuan berdasarkan petikan prosa di atas? (3 markah)

- ii) Petikan di atas menggambarkan kepakaran seseorang dalam ilmu perbidanan. Nyatakan dua keistimewaan yang dimiliki oleh Bidan Mak Besah? (3 markah)

- iii) Pada pendapat anda, mengapa masyarakat kini kurang meminati perubatan tradisional?
(4 markah)

- 6 Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Keusangan Budaya

Roshilawati Razlan

Ketika dulu
Kelihatan sang dara bersimpuh ayu
bersalut songket tenunan Melayu
mengayam segar

Kelihatan
sang teruna menebang ara
berbaju Melayu warisan bangsa
meniup seruling bambu
merdu dan sayu

Ketika ini
tiada lagi sang dara ayu
tiada juga teruna gagah
kini yang ada cuma
tubuh-tubuh lesu
tubuh-tubuh kaku

Kedengaran
irama gamat menodai kedamaian
seruling bambu diam keusangan
songket dan batik muram disisihkan

Ayahanda dan bonda di pondok
memalu nobat di sisi
melihat sayu Sang Sita Dewi
yang usang tidak bermaya lagi

(Dipetik daripada antologi *Harga Sebuah Lukisan*,
Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Berdasarkan puisi di atas, nyatakan pengekalan budaya tradisional yang diamalkan oleh teruna dan dara pada ketika dahulu.

(3 markah)

- ii) Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. (3 markah)

- iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk memastikan budaya tradisi terus terpelihara. (4 markah)

- 7 Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2 atau Tingkatan 3.

- i) Lestari Bukit Menghijau oleh Syed Mahadzir
ii) 6:20 oleh Siti Jasmina bt Ibrahim


Berdasarkan novel yang anda kaji,uraikan tiga perwatakan watak utama.

(10 markah)

BAHAGIAN C

(15 markah)

- 8 Lihat carta pai di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam carta pai tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

**PEMBAHAGIAN MASA PELAJAR PADA HARI
MINGGU**

BAHAGIAN D
(15 markah)

- 9** Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- i) Sekolah anda telah mengadakan sambutan Hari Koperasi Sekolah. Sebagai Setiausaha Koperasi Sekolah, anda dikehendaki menulis laporan tentang sambutan Hari Koperasi tersebut.

Tulis laporan anda selengkapnya.

- ii) Melanjutkan pelajaran di dalam negara lebih baik daripada belajar di luar negara.

Bincangkan pernyataan di atas.

- iii) Remaja kini sering terlibat dalam gejala sosial.

Huraikan langkah-langkah untuk membendung masalah tersebut.